

Headline	Aset melebihi liabiliti		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	4	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	225 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,291
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,872



Aset melebihi liabiliti

Jamil Khir tegaskan kedudukan Tabung Haji bagi tahun 2015 kukuh

KUALA LUMPUR - Status aset Tabung Haji (TH) melebihi liabiliti syarikat itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom menegaskan bahawa portfolio aset boleh direalisasi TH pada 31 Disember 2015 adalah melebihi RM60 bilion manakala liabiliti adalah dana pendeposit sendiri iaitu sebanyak RM59.3 bilion.

"Ini jelas membuktikan nilai aset TH berada pada tahap lebih tinggi berbanding liabilititnya.

"Perlu saya tegaskan, melalui Akta TH 535 Seksyen 18, TH tidak dibenarkan meminjam kecuali dengan kelulusan menteri JPM (Jabatan Perdana Menteri) dan menteri kewangan," katanya ketika menjawab pertanyaan dari-pada Lim Guan Eng (**DAP-Bagan**) yang bertanyakan mengenai senarai status aset dan



liabiliti TH terkini di Parlimen, semalam.

Dalam pada itu, ketika menjelaskan mengenai surat teguran daripada Bank Negara Malaysia (BNM), terhadap badan itu, Jamil Khir berkata, Lembaga TH bukan di bawah seliaan atau pemantauan secara langsung oleh BNM.

"Namun, menjadi kebiasaan bagi BNM memberikan surat nasihat bertujuan memastikan keutuhan kedudukan kewangan setiap institusi bank dan bukan bank."

“Namun menjadi kebiasaan bagi BNM memberikan surat nasihat yang bertujuan memastikan keutuhan kedudukan kewangan setiap institusi bank dan bukan bank.”

- Jamil Khir

an kewangan setiap institusi bank dan bukan bank.

"Kandungan surat BNM mengambil maklum akan dasar rizab sedia ada TH. Namun, BNM menyarankan TH merumuskan satu dasar rizab yang lebih komprehensif bagi mengharungi ekonomi yang tidak menentu dan menangani harapan pendeposit terhadap kadar bonus tinggi setiap tahun dari TH," katanya.

Katanya, BNM juga se-

tuju bahawa TH telah secara proaktif melalui inisiatif sendiri mengambil kira langkah-langkah sewajarnya untuk memperkuatkkan pengurusan risiko dan kedudukan kewangan TH.

Mengulas lanjut, Jamil Khir menegaskan bahawa kedudukan TH bagi tahun 2015 adalah kukuh walaupun mendapat surat teguran BNM.

"Keuntungan TH bagi tahun kewangan 2015 adalah keuntungan tertinggi sejak ditubuhkan pada tahun 1963. Hubungan ini dimaklumkan bahawa jumlah keuntungan TH pada 2015 ialah RM3.536 bilion sementara bonus, RM3.22 bilion.

"Adalah ditegaskan TH dilemparkan tuduhan rambang dan menjadi mangsa pemfitnah sekali gus mencemarkan imej Islam atas tuduhan tidak berasas," katanya.